

SOALAN NO. : 50**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 50

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci

- a) Mengapakah kerajaan masih tidak dapat menurunkan bantuan wang ihsan kepada penduduk Taman Jesper Jaya, Mutiara Galla dan semua perumahan di kawasan Rasah dan Seremban yang terjejas banjir kilat pada 10 November 2017 ; dan

- b) Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk meastikan masalah banjir kilat tidak akan berulang di kawasan-kawasan yang terlibat.

**JAWAPAN: YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua

Kejadian banjir kilat yang berlaku di bandar Seremban pada 10 November 2017 adalah disebabkan oleh hujan lebat yang turun dengan bacaan 114.0mm pada jam 5.00 petang hingga 8.30 malam menyebabkan paras air Sungai Temiang meningkat dan melepassi paras berbahaya iaitu 59.64m (Paras bahaya 59.5m). Pada paras tersebut, air larian daripada sistem perparitan akan mengambil masa yang lebih lama untuk memasuki sungai utama dan ditambah dengan keadaan sistem perparitan yang tersumbat akibat daripada sampah sarap telah memburukkan lagi keadaan sehingga menyebabkan air melimpahi ke jalan-jalan utama di sekitar Bandar Seremban. Namun keadaan air banjir yang bertakung hanya selama 40minit .

Bagi kawasan-kawasan perumahan yang dilaporkan mengalami masalah banjir kilat hanyalah melibatkan Taman Jasper Jaya dan Taman Sri Pulasan. Banjir kilat yang dimaksudkan adalah disebabkan oleh masalah perparitan perumahan yang tidak mampu menampung kapasiti air larian yang sangat lebat pada hari kejadian.Tiada sebarang laporan banjir yang diterima yang melibatkan Taman Mutiara Galla.Walau bagaimanapun, kejadian banjir kilat ini hanya berlaku dalam tempoh 3 jam dan surut sepenuhnya pada jam 8.00mlm.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Wang ihsan tidak dapat diberikan kepada mangsa banjir kilat kerana peruntukan wang ihsan adalah untuk diberikan kepada mangsa banjir selain banjir kilat dan NADMA tidak mempunyai sebarang SOP berkaitan banjir kilat.

(b) Pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah melaksanakan pembersihan longkang secara besar-besaran melalui SW Corp bagi mengelakkan kejadian tersebut berulang yang disebabkan oleh kurangkannya kesedaran masyarakat akibat daripada pembuangan sampah tanpa kawalan ke dalam parit-parit utama dan sungai.

Bagi penyelenggaraan di sepanjang jajaran Sungai Temiang, pembersihan yang diadakan secara berkala setiap bulan telah dilaksanakan namun sekiranya masalah sikap dan kesedaran masyarakat tidak dibendung dijangkakan perkara yang sama akan berulang.

Sekian, terima kasih.